

**MUWASOFAT TARBIYAH DAN TERAPI TINGKAH LAKU KOGNITIF DALAM
MENINGKATKAN PENGHARGAAN KENDIRI PELAJAR REMAJA ASNAF ZAKAT**

Muna Mohd Rodzi, Mohd Suhadi Mohamed Sidik & Nor Hernamawarni Abd Majid

Pusat Pengajian dan Perkhidmatan Kaunseling & Psikologi
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)
Emel: munarodzi90@gmail.com

Abstrak

Kajian ini akan menjelaskan senario yang berlaku dalam permasalahan remaja asnaf yang menyebabkan berlakunya penurunan terhadap penghargaan sendiri serta latar belakang permasalahan remaja asnaf yang mempunyai penghargaan sendiri yang rendah. Ianya juga akan memperjelaskan isu, permasalahan kajian dan keperluan pembinaan modul *Muwasofat Tarbiyah* berdasarkan aqidah yang sejahtera, ibadah yang benar, akhlak yang mantap, luas pengetahuan, sihat tubuh badan, sangat menjaga masa, melawan hawa nafsu, mampu berdikari, tersusun dalam urusan dan mampu berdikari dalam membantu remaja asnaf membina penghargaan sendiri yang lebih unggul. Selain itu juga, penerangan secara terperinci setiap elemen yang berkaitan dengan elemen *Muwasofat Tarbiyah* dan teori-teori yang berkaitan kajian ini.

Katakunci: Penghargaan Kendiri, Asnaf, & Pelajar.

Abstract

This study will explain the scenario that occurs in the problems of asnaf adolescents that cause a decrease in self-esteem as well as the background of the problems of asnaf adolescents who have low self-esteem. It will also clarify issues, research problems and the need to build Muwasofat Tarbiyah module based on peaceful beliefs, true worship, strong morals, extensive knowledge, healthy body, very careful time, fight lust, able to be independent, organized and able self-reliant in helping asnaf adolescents build superior self-esteem. In addition, a detailed description of each element related to the elements of Muwasofat Tarbiyah and theories related to this study.

Keyword: *Self-esteem, Students, Asnaf.*

PENGENALAN

Isu penghargaan sendiri dalam kalangan generasi muda hari ini kian menjadi kebimbangan masyarakat. Hal ini lazimnya memandang generasi muda terkenal dengan sifat-sifat seperti ingin mencuba suatu yang baharu dan mudah terikut-ikut. Dari sudut yang lain pula, generasi muda juga merupakan generasi harapan bangsa yang bakal menerajui negara pada masa akan datang.

Estim sendiri merupakan evaluasi seseorang dalam menilai dirinya sendiri, yakni seberapa puas seseorang dengan dirinya sendiri (Johnson, dalam Sveningsson, 2012). Perkembangan estim sendiri (baik itu global estim sendiri mahupun *selective self-esteem*) pada individu dimulai sejak masa kanak-kanak hingga dewasa, hanya saja mengalami penurunan pada masa remaja (Bos, Muris, Mulken, & Schaalma, 2006). Penurunan global self-esteem yang drastik dalam kalangan remaja berkaitan dengan fasa *storm* dan *stress* selama masa remaja yang ditunjukkan dengan

adanya perubahan secara biologi, kognitif, sosial, psikologi, dan akademik (Robins et al, dalam Bos, Muris, Mulkens, & Schaalma, 2006).

Menurut ReachOut.com Australia (2020) apabila seseorang mempunyai penghargaan sendiri yang rendah, mereka cenderung untuk mengelakkan diri daripada berhadapan dengan situasi baru di mana mereka menganggap terdapat risiko untuk gagal, rasa malu dan melakukan kesalahan. Perkara ini akan memberi kesan kepada akademik, sosial, disebabkan tidak mahu mencuba aktiviti baru, sedangkan keberanian mencuba dan berhadapan dengan risiko merupakan bahagian penting dalam kehidupan perkembangan remaja yang sihat. Sekiranya harga diri yang rendah tidak dikenal pasti dan dirawat, maka ia boleh menyebabkan pelbagai masalah seperti masalah hubungan atau kesukaran untuk berkawan, perasaan negatif seperti merasa sedih, cemas, malu atau marah, motivasi diri yang rendah, penampilan diri kurang menarik, terlibat dengan aktiviti seksual yang lebih awal, mengambil alkohol atau dadah untuk berasa lebih baik (ReachOut.com Australia, 2020).

Estim sendiri menunjukkan seluruh gambaran yang diraih seseorang yang diberikan nilai benar atau salah, baik atau buruk. Pengertian ini seperti yang dikatakan oleh Coopersmith (1967) iaitu merupakan hasil penilaian individu terhadap dirinya sendiri. Penilaian ini menyatakan suatu sikap yang berupa penerimaan atau penolakan dan menunjukkan seberapa besar individu itu percaya bahawa dirinya mampu, bererti, berhasil dan berharga menurut piawai dan nilai peribadinya.

Lebih lanjut lagi Coopersmith (1967) mengatakan bahawa penilaian diri dibuat dan dipertahankan individu dalam jangka waktu tertentu, serta dipengaruhi oleh kejadian sehari-hari. Oleh sebab itu, dapat dikatakan bahawa estim sendiri berupa penilaian seseorang terhadap berbagai-bagai topik. Menurut Poland (1974) estim sendiri merupakan keperluan psikologi yang meliputi kepercayaan diri, keperluan akan keberhasilan, keperluan ekonomi, pengetahuan dan perasaan mampu.

Apabila membicarakan estim sendiri memang tidak terlepas daripada konsep sendiri kerana konsep sendiri seseorang akan mempengaruhi estim sendiri seseorang (Rosenberg, 1979). Menurut Gray-Little (dalam Fuhrmann, 1990) ada 3 komponen dalam konsep diri iaitu:

- i. Imej diri, yang mengacu pada pandangan seseorang terhadap dirinya sendiri yang berkaitan dengan berbagai-bagai peranan (ibu bapa, pimpinan, bawahan) sifat (pemaaf, suka menolong, pembohong), sikap lain dan sebagainya yang menunjukkan siapa saya sebagai individu.
- ii. Penilaian sendiri, yang berkaitan dengan perasaan yang ditujukan kepada diri sendiri sama ada suka atau tidak suka.
- iii. Kendiri ideal, harapan dan aspirasi seseorang terhadap dirinya sendiri.

Daripada pendapat yang telah dikemukakan para ahli tersebut, maka pengkaji merumuskan bahawa estim sendiri merupakan penilaian terhadap dirinya sendiri, yang merupakan hasil daripada suatu proses interaksi dengan persekitaran. Hal tersebut berdasarkan sejumlah penghargaan, penerimaan dan perlakuan orang lain terhadap dirinya, yang kemudian akan

menunjukkan sejauh mana individu tersebut mempunyai rasa percaya pada dirinya sendiri, berhasil, berharga dan berarti.

Faktor-faktor yang Mempengaruhi Perkembangan Penghargaan Kendiri

Perkembangan estimasi diri dipengaruhi oleh pelbagai faktor, baik yang berasal dari dalam diri mahupun dari luar individu yang bersangkutan, faktor-faktor tersebut ialah:

Faktor Jantina

Kimmel dan Weiner (1985) menyatakan, ada keterkaitan yang erat antara jantina dengan estimasi diri, jenis jantina perempuan mempunyai estimasi diri yang lebih rendah dibandingkan dengan lelaki. Selain itu, kajian yang dilakukan Klass dan Hodge (1978) menunjukkan bahawa hasil estimasi diri pada perempuan lebih tinggi daripada lelaki.

Faktor Status Sosial Ekonomi

Kajian Coopersmith (1967) menemukan bahawa status sosial ekonomi seseorang mempengaruhi tahap estimasi diri.

Faktor Usia

Kajian Kokenes dalam Bee (1981) menyatakan fokus estimasi diri seseorang mengalami perubahan sesuai dengan perkembangan usianya. Pada usia lapan hingga sembilan tahun, fokus estimasi diri adalah dalam alam persekolahan dan pergaulan bersama teman, sedangkan pada usia sekitar sebelas sampai dua belas tahun adalah pengaruh daripada sokongan dan kepuasan dalam hubungan dengan ibu bapa.

Faktor Persekitaran Keluarga

Keluarga merupakan pengaruh persekitaran yang sangat penting bagi terbentuknya persekitaran yang sihat. Coopersmith (1967) menjelaskan bahawa yang dimaksudkan keluarga dalam hal ini ialah status sosial ekonomi, pekerjaan, nilai-nilai dalam keluarga, keterlibatan ibu bapa dalam kehidupan anak, peranan dan interaksi ibu bapa dengan anak. Darajat (1980) juga menyatakan bahawa peranan keluarga yang mempengaruhi estimasi diri ialah ibu bapa yang sering merendahkan atau memberikan hukuman dan larangan tanpa alasan yang boleh diterima akal dan wajar akan menyebabkan anak berasa tidak dihargai.

Faktor Keadaan Fizikal

Wright (dalam Koentjoro, 1989) menyatakan bahawa orang cacat cenderung mempunyai estimasi diri yang rendah kerana kurangnya penghargaan sosial terhadap dirinya. Adler (dalam Coopersmith, 1967) menyebutkan bahawa individu yang memiliki ukuran bentuk dan kekuatan tubuh yang kurang dibandingkan dengan individu yang normal akan cenderung mempunyai estimasi diri yang rendah.

Faktor Psikologi Individu

Menurut Coopersmith (1967), ada beberapa keadaan psikologi individu yang turut menentukan pembentukan estimasi diri seseorang. Keadaan psikologi yang dimaksudkan di sini ialah hal-hal yang berkaitan dengan konsep kejayaan dan kegagalan, aspirasi mekanisme pertahanan diri

berdasarkan pengalaman-pengalaman yang telah dilalui individu terhadap kekuatan, kompetisi dan nilai-nilai kebaikan. Kejayaan dapat memberikan erti yang berbeza bagi setiap individu, namun tetap memberikan pengaruh kepada peningkatan estim sendiri.

Faktor Persekitaran Sosial

Terbentuknya estim sendiri diperoleh daripada interaksi individu dengan persekitarannya, penerimaan, penghargaan serta perlakuan orang lain terhadap individu yang bersangkutan. Pengalaman berdasarkan pergaulan dan interaksi akan memberikan gambaran yang baik dari segi fizikal mahupun mental melalui sikap dan respon orang lain terhadap dirinya (Klass & Hodge, 1978). Dengan demikian pendapat dari Rogers (dalam Azwar, 1979), bahawa pembentukan estim sendiri lebih ditentukan oleh persekitaran sosial. Buss (1978) menegaskan bahawa pengalaman dari keberhasilan kejayaan, persahabatan, kematangan akan meningkatkan estim sendiri. Sebaliknya kehilangan kasih sayang, dijauhi oleh teman-teman dan penghinaan akan menurunkan estim sendiri.

Penyataan Masalah

Terdapat pelbagai pendekatan dalam meningkatkan penghargaan sendiri yang rendah. Sebagai contoh, banyak kajian di Barat menunjukkan rawatan menggunakan Pendekatan Kognitif Tingkah laku berupaya mengurangi salah satu bentuk penghargaan sendiri yang rendah iaitu kebimbangan sosial (Clark et al., 2006; Hayes, 2006; Hofman, Moscovitch, Kim, & Taylor, 2004). Walaupun kajian di Barat menunjukkan Terapi Pendekatan Kognitif Tingkah laku berkesan untuk mengurangi kebimbangan sosial, namun dalam konteks kajian di Malaysia hanya terdapat beberapa kajian yang dijalankan dengan menggunakan Pendekatan Kognitif Tingkah laku dalam Kaunseling Kelompok. Misalnya kajian oleh Abdul Malek (2004) yang menggunakan Pendekatan Kognitif Tingkah laku dalam Kaunseling Kelompok untuk menangani remaja bertingkah laku langgang buli, dan juga kajian oleh Mohd Nasir (2006) untuk menangani remaja berisiko.

Walaupun bagaimanapun kedua-dua kajian ini tidak memberikan fokus kepada menangani penghargaan sendiri yang rendah. Oleh itu kajian ini juga perlu dijalankan untuk menentukan sama ada Pendekatan Kognitif Tingkah Laku dapat memberikan kesan terhadap peningkatan penghargaan sendiri remaja asnaf.

Walaupun penghargaan sendiri telah diberikan perhatian dalam kajian psikologi, namun kajian untuk pembangunan sendiri yang memberikan fokus kepada populasi remaja asnaf atau miskin sangat sukar untuk ditemui. Sebagai contohnya, terdapat kajian yang dijalankan menggunakan aplikasi kognitif tingkah laku (CBT) dengan sokongan sosial terhadap estim sendiri dan depresi kepada pesakit kanser (Namora, 2008). Selain itu, kebimbangan sosial dalam kalangan remaja sering terlepas pandang oleh pihak sekolah dan tidak dirujuk untuk rawatan (Masia, Klein, Storch, & Corda, 2001). Oleh itu bukti-bukti secara empirikal diperlukan untuk menyokong kesan Pendekatan Kognitif Tingkah laku terhadap kebimbangan sosial dalam kalangan sampel remaja asnaf.

Selain itu, walaupun terdapat banyak kajian yang menyokong penggunaan Pendekatan Kognitif Tingkah laku secara positif, namun kebanyakan kajian yang menggunakan pendekatan

ini dalam kalangan remaja dan kanak-kanak lebih mengutamakan populasi dan seting klinikal tetapi amat kurang penggunaannya dalam seting sekolah (Hofmann et al, 2004). Sudah tentu dapatan dan kemahiran yang diperolehi dalam seting klinikal tidak dapat digeneralisasikan dalam seting biasa, terutama seting sekolah (Masia et al., 2001). Kebanyakan daripada situasi yang mendatangkan kebimbangan dalam kalangan remaja berkaitan dengan sekolah (seperti perhubungan dengan rakan sebaya, pencapaian akademik dan sebagainya) yang sudah tentu berbeza dengan seting klinikal (Ginsburg & Drake, 2002).

Bagi lapangan kaunseling di Malaysia khususnya dan dalam dunia Islam amnya, telah wujud saranan-saranan daripada tokoh-tokoh kaunseling, ahli-ahli psikologi, akademik dan agamawan seperti Abdul Halim (1993), Roslee Ahmad (2008). Malik Badri (1997), Sayyid Quthb (1983), Rizal Abu Bakar (2005) dan Haron Din (2003) mengenai perlunya elemen spiritual dan agama diterapkan dalam aktiviti kaunseling. Model-model kaunseling seperti model Kognitif Ad-Din oleh Othman Mohamed (2001) dan kajian-kajian yang berkaitan spiritual dan agama seperti Siti Aishah Hassan (2011) dan Salasih H. Hamjah (2008) dan lain-lain telah dibangunkan dan didapati sesuai untuk diaplikasikan dalam intervensi-intervensi kaunseling.

Walau bagaimanapun. Kajian-kajian dan penemuan-penemuan oleh ilmuwan Islam hanya berkisar kepada aspek kognitif, pengamalan ibadah dalam Islam, membuang sifat-sifat mazmumah (buruk) dan mengisinya dengan sifat-sifat mahmudah (terpuji), namun tidak ada lagi kajian mengenai aplikasi elemen 10 Muwasofat Tarbiyah dalam proses kaunseling kelompok. Elemen-elemen yang menentukan tahap penghargaan sendiri yang unggul adalah seperti berikut:

1. Aqidah yang sejahtera
2. Ibadah yang benar
3. Akhlak yang mantap
4. Luas pengetahuan
5. Sihat tubuh badan
6. Menjaga masa
7. Melawan hawa nafsu
8. Mampu berdikari
9. Tersusun dalam urusan
10. Mampu berdikari

Pendekatan modul ini adalah pendekatan yang dapat menjamin penghargaan sendiri secara sempurna berbanding pendekatan-pendekatan yang lain di dalam lapangan kaunseling sebagaimana yang telah dibincangkan di atas. Berdasarkan pernyataan-pernyataan di atas didapati bahawa pendekatan yang mengaplikasikan elemen-elemen yang terdapat dalam Muwasofat Tarbiyah masih belum dikaji terutamanya dalam sesi kaunseling. Justeru, pengkaji mendapati wujud keperluan untuk melihat dan mengkaji aplikasi elemen Muwasofat Tarbiyah semasa intervensi kaunseling terutamanya dalam pengamalannya di institusi-institusi pendidikan di negara Malaysia khususnya.

Teori-teori yang berkaitan

1) Teori-Teori Konsep Kendiri

- a) Teori Maslow (1970) Kebiasaannya, individu cenderung untuk membuat penilaian terhadap dirinya berdasarkan kepada tanggapan dan layanan orang-orang disekeliling terhadap dirinya. Individu akan lebih berkeyakinan pada dirinya sendiri jika tanggapan dan layanan yang positif dan baik diberikan kepadanya. Di sini satu konsep kendiri akan terbina iaitu penilaian tentang diri sendiri dan akan mempengaruhi sikap, interaksi sosial dan juga personaliti seseorang. Seterusnya, ia juga mempengaruhi matlamat dan juga cita-cita seseorang dalam memenuhi kehendaknya. Pernyataan di atas sesuai dengan teori yang dikemukakan oleh Abraham Maslow (1970) iaitu Teori Hierarki Keperluan. Menurut Maslow (1970) dalam Azlina (2002), beliau mengkelaskan keperluan asas manusia kepada lima keperluan mengikut hierarki. Keperluan asas tersebut ialah keperluan fisiologi, keperluan keselamatan, keperluan kasih sayang, penghargaan kendiri dan juga peringkat yang tertinggi iaitu kesempurnaan kendiri.
- b) Teori Pemusatan Individu Carl Rogers (1951) Menurut Rogers (1951) dalam Azizi dan Jaafar (2006), konsep kendiri didefinisikan sebagai definisi diri yang diberikan pada diri sendiri secara sadar. Apabila menggunakan perkataan saya, iaitu ia adalah gambaran persepsi kendiri yang tersusun yang dapat dibawa ke peringkat sadar. Menurut Rogers (1951) dalam Azlina (2002), beliau menolak pendapat bahawa manusia dikawal oleh dorongan bawah sadar. Beliau juga menekankan bahawa pengalaman pada masa sekarang lebih penting daripada pengalaman lepas.
- c) Teori Karen Horney (1950) Menurut Horney (1950) dalam Azizi (2005), mengemukakan teori konsep kendirinya dengan mengambil kira konsep kendiri sebenar dan konsep kendiri ideal. Beliau menyatakan konsep kendiri sebenar merujuk kepada perkara-perkara yang benar tentang diri seseorang. Beliau juga mendefinisikan konsep kendiri ideal sebagai apa yang diinginkan atau dihasratkan oleh seseorang itu untuk memilikinya.
- d) Teori Hierarki Keperluan Maslow Sebagai Model Kajian Konsep Kendiri Teori ini menekankan bahawa seseorang individu perlu memenuhi kesemua keperluan asas iaitu keperluan fisiologi, keperluan keselamatan dan keperluan kasih sayang sebelum memenuhi keperluan penghargaan kendiri dan mencapai kesempurnaan kendiri. Jika keperluan asas telah dipenuhi, seseorang individu akan lebih yakin pada diri dan seterusnya membina konsep kendiri yang positif.
- e) Penggunaan Teori Hirarki Keperluan Maslow menekankan komponen keperluan asas seseorang individu yang perlu dipenuhi terlebih dahulu iaitu keperluan fisiologi, keperluan keselamatan dan keperluan kasih sayang sebelum memenuhi komponen keperluan yang lebih tinggi iaitu penghargaan kendiri dan kesempurnaan kendiri. Seseorang individu akan mempunyai konsep kendiri yang positif jika individu tersebut telah mencapai kesempurnaan kendiri. Keperluan asas perlu dipenuhi terlebih dahulu sebelum mencapai tahap kesempurnaan kendiri.

2). Teori Personaliti

- a) Teori Jenis Trait Eysenck (1967) Menurut Eysenck (1967) dalam Sasikala (2003), beliau menyatakan personality bermaksud organisasi watak, perangai, intelek dan fizikal seseorang yang agak stabil dan mempunyai daya ketahanan yang mana menentukan keunikan penyesuaian dengan persekitaran. Watak menandakan seseorang yang agak stabil dan daya ketahanan sistem tingkah laku kognitif (will). Perangai pula menunjukkan seseorang yang agak stabil dan daya ketahanan sistem tingkah laku afektif (emotion). Intelek pula menandakan seseorang yang agak stabil dan ketahanan sistem tingkah laku kognitif (intelligence) manakala fizikal pula menandakan seseorang yang agak stabil dari segi ketahanan keseluruhan sistem badan dan pembawaan (neuroendocrine).
- b) Teori Trait Gordon W. Allport (1971) Menurut Allport (1971) dalam Azlina (2002), menyatakan personaliti adalah dinamik dalam sistem psikofizikal individu. Personaliti ini menentukan ciri-ciri pemikiran dan tingkah laku seseorang. Beliau melihat personaliti sebagai usaha ke arah penyatuan, proses perubahan dan perkembangan yang berterusan dalam diri individu. Tingkah laku seseorang sebenarnya adalah dipengaruhi oleh persepsi individu walaupun faktor-faktor persekitaran boleh mempengaruhi individu tersebut. Justeru itu, beliau berpendapat bahawa kelakuan manusia sebenarnya dikawal oleh faktor dalaman di mana tingkah laku yang berbeza adalah disebabkan kecenderungan yang berlawanan atau trait dalam diri seseorang.
- c) Teori Psikoanalisis Sigmund Freud (1940) Menurut Sigmund Freud (1940) dalam Azlina (2002), beliau telah mengemukakan struktur personaliti untuk memahami konflik yang berlaku. Freud (1940) membentuk struktur personaliti yang dapat menggambarkan konflik berlaku dan mempengaruhi tingkah laku seseorang. Terdapat tiga sistem dalam minda manusia iaitu id, ego dan superego.
- d) Teori Jenis Trait Eysenck (1967) Sebagai Model Kajian Personaliti Teori ini dapat menentukan sama ada seseorang individu itu mempunyai jenis personaliti berdasarkan skala ekstroverti iaitu ekstrovert atau introvert dan skala neurotisme iaitu neurotik atau kestabilan emosi. Selain daripada itu, teori ini menyatakan bahawa seseorang yang ekstrovert merupakan seorang yang kuat bercakap, suka berdampingan dengan orang lain, dan senang bergaul bertentangan dengan seseorang yang introvert iaitu cenderung untuk bersendirian dan pemalu.
- e) Penggunaan Teori Jenis Trait Eysenck (1967) Dalam teori jenis trait ini, teori ini dapat menjelaskan tentang perkaitan di antara jenis personaliti seseorang dengan pencapaian akademiknya. Ini kerana jenis personaliti seseorang pelajar itu mempengaruhi interaksi sosialnya di sekolah seterusnya mempengaruhi prestasi pelajarannya. Menurut Rohaty (1992), ada pendapat yang menyatakan bahawa seseorang yang introvert itu adalah lebih mudah terlazim dan lebih mudah menelaah di sekolah berbanding dengan seorang yang ekstrovert. Melalui kajian-kajian yang telah dijalankan, dapatan menunjukkan bahawa seorang yang ekstrovert mempunyai prestasi pencapaian akademik yang lebih baik di

peringkat sekolah rendah. Tetapi sebaliknya seorang yang introvert mendapat ijazah dari universiti yang paling tinggi dan terbaik.

Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah sangat penting dalam membantu remaja asnaf dalam meningkatkan keunggulan diri. Modul Muwasofat Tarbiyyah yang dibangunkan berkonsepkan nilai-nilai Islam adalah sangat penting untuk diterapkan di dalam diri individu remaja asnaf sekaligus membantu membina jati diri seorang remaja muslim yang berpegang kuat pada tali Islam agar tersasar daripada aqidah dan akhlak seorang remaja muslim. Kajian ini juga menggalakkan peningkatan pengetahuan islam terhadap hubungan sosial, pembinaan semangat berpasukan dan beberapa dimensi yang diketengahkan oleh pengkaji.

Kajian tentang pembinaan modul yang bercorak ilmiah masih amat kurang di negara kita. Kebanyakan modul yang dibina hanya tertumpu kepada keperluan dan matlamat sesebuah organisasi tanpa memenuhi prosedur-prosedur pembinaan modul yang sebenar. Justeru itu ianya sukar untuk mengukur keberkesanan sesuatu modul itu. Kesignifikan daripada kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran dan garis panduan kepada pengamal bimbingan dan kaunseling serta mereka yang terlibat dengan pembangunan manusia untuk membina sesuatu modul berdasarkan prosedur pembinaan modul seterusnya dapat mengukur keberkesanan modul berkenaan.

Kajian ini boleh menyumbang kepada perkhidmatan dan amalan bimbingan dan kaunseling di negara kita. Kebanyakan pengamal kaunseling di negara kita kurang memberi tumpuan kepada penyelidikan bercorak rawatan. Kajian-kajian sedia ada lebih tertumpu kepada perkhidmatan, pola pendekatan, isu-isu keperluan dan permasalahan dan seumpamanya. Pelbagai permasalahan psikologikal dalam pasca modenisme memerlukan pendekatan rawatan yang praktikal. Diharapkan kajian ini dapat memberikan sumbangan terhadap memartabatkan profesion bimbingan dan kaunseling.

Sehubungan dengan itu, intervensi perspektif Islam merupakan satu perkembangan yang perlu diketengahkan bagi mendepani pelbagai isu dalam dunia bimbingan dan kaunseling. Kajian-kajian di barat yang mengorak langkah kepada intervensi yang mencerap kepada aspek spiritual dan agama menunjukkan keberkesanan dalam proses membantu. Intervensi agama dapat meningkatkan kesihatan mental, mengurangkan tekanan dan kebimbangan sosial, membantu mereka yang mengalami krisis emosi dan seumpamanya. Kajian ini dapat menyumbang kepada amalan bimbingan dan kaunseling yang mencerap aspek keagamaan di mana ia mengetengahkan satu pendekatan intervensi yang boleh dijadikan sebagai satu alternatif dalam proses membantu.

Berdasarkan perkembangan semasa, terlalu banyak isu yang dikaitkan dengan kepincangan nilai moral yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan pegangan agama yang longgar. Dalam hal yang sedemikian perlunya satu bentuk rawatan khusus yang berkait rapat dengan pendekatan keagamaan dan spiritual. Diharapkan modul yang dibina dapat dijadikan garis panduan dalam pelaksanaan rawatan oleh pengamal kaunseling dan juga mereka yang terlibat secara langsung dalam pembinaan insan sama ada di jabatan kerajaan, swasta, jabatan agama atau di jabatan-jabatan lain, sekolah serta pelbagai institusi yang lain.

RUMUSAN

Penghargaan sendiri yang tinggi amat penting kepada remaja asnaf dalam mengubah pemikiran dan tingkahlaku kearah yang lebih positif dan berdaya maju supaya tahap pencapaian di dalam kehidupan dapat dipulihkan serta memberi sinar baru dalam keluarga. Hasil garapan elemen muwasofat tarbiyah dalam proses meningkatkan penghargaan sendiri remaja asnaf dari sudut aqidah yang sejahtera, ibadah yang benar, akhlak yang mantap, luas pengetahuan, sihat tubuh badan, sangat menjaga masa, melawan hawa nafsu, mampu berdikari, tersusun dalam urusan dan mampu berdikari pastinya dapat membentuk peribadi remaja asnaf yang lebih ideal. Dengan terbinanya modul ini, sudah pasti akan menjadi salah satu rawatan pilihan yang boleh dijadikan panduan kepada para kaunselor, pensyarah, pendidik serta ahli akademik tentang keperluan elemen Muwasofat Tarbiyah dalam proses meningkatkan tahap penghargaan sendiri di kalangan remaja.

RUJUKAN

- Md Noor bin Saper. (2012). Pembinaan Modul Bimbingan `Tazkiyah An-nafs` dan Kesannya ke atas Religiositi dan Resiliensi Remaja. *Tesis Dr. Fal*. Universiti Utara Malaysia.
- Mohd Zaharen Md Zahir, Md Noor Saper & Mohammad Nasir Bistamam. (2019). Kesahan dan Kebolehpercayaan Modul Kelompok Bimbingan Integrasi REBT-Tazkiyah An-Nafs. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers & Teacher Education*. 1(9): 58-69.
- Nik Noorkhairunnissa bt Nik Hassan. (2018). Kesan Modul Terapi Realiti (MTR) Terhadap Penghargaan Kendiri dan Kemurungan Mangsa Buli. *Tesis Dr. Fal*. Universiti Sains Malaysia.
- Sidek Mohd Noah & Jamaludin Ahmad. (2005). *Pembinaan Modul; Bagaimana Membina Modul Latihan dan Modul Akademik*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Wan Roslini & Mohd Sani. (2019). Model Pembinaan Modu Sidek di Dalam Modul Intervensi Pengurusan Stress Pelajar. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*. 4 (26) : 66-73.
- Namora Lumongga Lubis. (2008). Aplikasi Kognitif Tingkah Laku (CBT) dengan Sokongan Sosial Terhadap Estim Kendiri dan Depresi Pesakit Kanser. *Tesis Dr. Fal*. Universiti Sains Malaysia.
- Nor Hernamawarni Abd. Majid (2014). *Pembinaan Dan Kesan Modul Kaunseling Kelompok Terhadap Kebimbangan Komunikasi Dalam Kalangan Pelajar IPTA*. Tesis Dr. Fal. Universiti Sains Malaysia.
- Fathi Yakan. (2019). *Apa ertinya Saya Menganut Islam*. Dewan Pustaka Fajar.
- ReachOut.com. *Self-Esteem And Teenagers*. Diperolehi pada 18 November 2020 daripada <https://parents.au.reachout.com/common-concerns/everyday-issues/self-esteem-and-teenagers>